

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 23 RABU 7HB. JUN 1972 رايو 24 ربيع الاخير 1392 PERCHUMA



Duli Yang Maha Mulia dengan di-perhatikan oleh Dato Clough (kiri) ketika merasmikan Pangkalan Minyak Seria.

MELENGKAPKAN ANAK NEGERI BAGI MENGANTI ORANG2 LUAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah menjadi niat Kerajaan untuk melengkapi serta melayakkan anak2 negeri ini bagi memenohi segala jawatan atau kerja2 sektor pribit yang maseh lagi di-isikan oleh pendaatang2 dari luar.

Demikian menurut Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar dalam ucapan-nya sa-jurus sa-belum menyampaikan hadiah2 Peraduan Trengkas, Menaip dan Steno pada hari Jumaat lepas di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Beliau telah menyebut tentang bertambah-nya pelajar2 yang mempunyai kelulusan dalam ketiga2 mata pelajaran itu yang mana ia-nya merupakan ketinggian kesedaran pemuda pemudi negeri ini dan menghargai kemudahan2 yang di-berikan oleh Kerajaan di-lapangan pelajaran.

Awang Haji Abdul Aziz percaya bahawa pehak Jabatan Pelajaran akan menjalankan ikhtiar2 saterus-nya untuk menyesuaikan kemudahan2 dan jenis2 pelajaran yang di-didangkan kepada belia2 negeri ini dan sa-chuchok dengan keperluan2 sektor2 pribit.

"Kita mesti sedari betapa penting-nya kualiti pe-lajar2 yang telah lulus supaya keluaran2 Bahagian Pelajaran Dewasa akan dapat di-tempatkan dengan tidak menimbulkan sa-barang tanda-tanya terhadap kualiti-nya di-kalangan mereka yang memerlukan per-khidmatan2 dalam bidang ini", jelas beliau.

Kapada sektor2 pribit pula, khas-nya badan2 perniagaan dan perdagangan yang besar dan tetap di-negeri ini, beliau menyeru mere-ka supaya tidak "bertapak2" pada menghadapkan kepada Kerajaan mengenai keperluan2 tenaga yang mereka perlukan untuk mengisikan jawatan2 yang maseh lagi di-du-doki oleh pendaatang2 dari luar.

Beliau menegaskan bahawa ke-sedaran pehak sektor pribit bagi menghapuskan segala daleh dan
(Lihat muka 8)

D.Y.M.M. BERHARAP SUPAYA SHARIKAT MINYAK SHELL MELUASKAN LAGI KEGIATAN2-NYA UNTUK RAAAYAT

SERIA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei mensifatkan kegiatan2 Sharikat Minyak Shell Brunei di-negeri ini sa-bagai yang sungguh pesat.

Kegiatan2 itu telah dapat di-bok-tikan dengan terbena-nya pangkalan untuk mengeksport minyak mentah Negeri Brunei sa-lain dari kegiatan2 di-dalam bidang Kilang Penchaer Gas di-Lumut.

Bertitah ketika merasmikan pem-bukan pangkalan minyak mentah di-Seria pada hari Isnin lepas, Baginda sangat2 berharap supaya kegiatan2 itu bukan sahaja akan menambahkan lagi pendapatan negara dan hasil mah-sul Kerajaan, tetapi akan menambah-kan lagi pekerjaan2 dan mempesatkan penyertaan raayat di-semua peringkat perusahaan2 sharikat tersebut.

Di-kalangan raayat yang mem-punyai kemahiran dan kelayakan yang di-kehendaki, Baginda yakin bahawa mereka akan tampil kehadapan untuk mengambil dan menyambut segala pe-luang2 dan dorongan2 yang senantiasa di-tawarkan oleh sharikat itu.

Baginda berharap supaya perhu-bongan antara Sharikat Minyak Shell Brunei dengan Kerajaan dan raayat Baginda yang sa-lama ini senantiasa dalam keadaan yang mesera, akan ber-tambah erat lagi, terutama-nya dalam usaha2 Kerajaan Baginda dalam mem-bangun dan memajukan lagi negeri ini.

Baginda juga berharap supaya Sharikat Minyak Shell Brunei tidak hanya menum-pukan kegiatan2-nya di-bidang minyak dan gas semata2, bahkan meluaskan-nya dalam bidang2 lain saperti bidang pertanian sa-perti yang telah di-adakan-nya sa-bagai per-mulaan di-Sinaut.


Baginda berharap supaya kegiatan2 sharikat itu di-Pusat Pertanian-nya di-Si-

naut akan di-pesatkan lagi untuk menda-tangkan faedah2 yang berkesan dan ber-maana bukan hanya kapada penduduk2 kampung di-sekitar-nya, bahkan kapada negeri dan raayat keseluruhannya.

"Beta telah di-fahamkan bahawa ke-giatan2 Sharikat Minyak Shell di-negeri2 lain di-dalam bidang sa-demikian telah mendapat kejayaan yang chemerlang dan Beta perchaya bahawa kegiatan2 yang se-rupa juga akan berjaya di-Negeri Brunei Darussalam ini", titah Baginda.

Dalam titah itu, Baginda juga telah menegaskan tentang galakan penyertaan sektor2 pribit yang menjadi salah satu dari matalamat2 yang utama Ranchangan Kemajuan Negara pada memenohi tujuan un-tok memajukan negeri ini dalam segala lapangan.

"Kerajaan Beta akan senantiasa mena-warkan segala dorongan dan mengadakan segala kemudahan2 supaya banyak lagi sharikat2 tempatan dan sharikat2 dari ne-



Pengarah Urusan B.S.P., Dato R.A.B. Clough menyampaikan ucapan alu2an.

Duli Pengiran Pemancha akan merasmikan Hari Pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, akan me-rasmikan pembukaan Hari Pelajar, bagi Sekolah2 Melayu di-seluruh negeri pada hari Sabtu, 10hb. Jun, bertempat di-padang besar Bandar Seri Begawan.

Lebih dari 400 orang murid, dari sekolah2 rendah dan mene-

ngah Melayu, akan mempersem-bahkan, berbagai2 achara, termasok tarian2 kebudayaan, sa-masa perasmian Hari Pelajar itu.

Wakil2 dari Sekolah2 Inggeris Kerajaan, Sekolah2 Misi, Arab dan China, akan juga mengambil bahagian di-temasha itu.

Sambutan Hari Pelajar, akan juga di-adakan, di-semua Sekolah2 Melayu di-seluruh negeri, pada

tarikh2 yang telah di-tetapkan oleh sekolah masing2 dalam bulan ini.

Hari Pelajar akan memberikan peluang kapada ibu bapa dan pen-jaga murid2 untuk bertemu ramah dengan guru2, dan memerhati ke-giatan2 anak2 mereka di-sekolah dan menyaksikan pameran2 yang di-buat oleh murid2 itu sendiri.

TARIKH HARI PELAJAR SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Hari Pelajar bagi Sekolah Rendah Melayu di-seluruh negeri akan di-adakan dalam bulan Jun ini.

Sa-banyak 103 buah sekolah Melayu akan mengadakan Hari Pelajar itu pada tarikh2 yang berasingan.

Berikut ini ia-lah tarikh2 Hari Pelajar tahun 1972:

BRUNEI I

Burong Pingai Ayer	25.6.1972.
Kampong Setia	25.6.1972.
Kg. Sultan Lama	25.6.1972.
Lela Menchanai	25.6.1972.
Pintu Malim	25.6.1972.
Pusar Ulak	18.6.1972.
Raja Isteri Fatimah	25.6.1972.
Sungai Kebun	25.6.1972.
Kg. Tamoi	18.6.1972.

BRUNEI III

P.B. Limau Manis	18.6.1972.
Panchor Murai	23.6.1972.
Junjongan	23.6.1972.
Batu Marang	16.6.1972.
Putat	23.6.1972.
Masin	23.6.1972.
SAB Sungai Besar	25.6.1972.

Pudak	25.6.1972.
Dato' Gandi	25.6.1972.
Pulau Baru-Baru	25.6.1972.
Lumapas	25.6.1972.
Kasat	30.6.1972.
NAR Menunggol	30.6.1972.
Pangkalan Batu	30.6.1972.
Pulau Berbunut	30.6.1972.

BELAIT

Rampayoh	16.6.1972.
Labi	18.6.1972.
Merangking	19.6.1972.
Kuala Balai	22.6.1972.
Muhammad Alam, Seria	25.6.1972.
Sungai Liang	25.6.1972.
Sungai Teraban	25.6.1972.
Lumut	25.6.1972.
Ahmad Tajuddin	25.6.1972.
Melilas	13.6.1972.

Sukang	14.6.1972.
OKPB Bukit Sawat	29.6.1972.

TEMBURONG

Belais	18.6.1972.
Puni	18.6.1972.
Amo	18.6.1972.
Belingos	18.6.1972.
Kinua	18.6.1972.
Semabat	18.6.1972.
Salangan	18.6.1972.
S.H. Batu Apoi	26.6.1972.
Sultan Hassan, Bangar	25.6.1972.
Negalang	25.6.1972.
Biang Tengah	25.6.1972.
Sinokoh	27.6.1972.
Piasau-Piasau	28.6.1972.
Bokok	28.6.1972.
Labu Estate	29.6.1972.

BRUNEI II

Kiulap	18.6.1972.
Serasa	18.6.1972.
HMS Sg. Hanching	18.6.1972.
Anggerek Desa	18.6.1972.
SUAS Muara	22.6.1972.
Mentiri	25.6.1972.
Tanah Jambu	25.6.1972.
Delima Satu	25.6.1972.
DM. Lambak	25.6.1972.
Amar Pahlawan	25.6.1972.
Gadong	25.6.1972.
B. Sakam, Bunut	25.6.1972.
Sengkurong	25.6.1972.
Jerudong	25.6.1972.
AHMY Kati Mahar	25.6.1972.
OKBI Subok	25.6.1972.
Mulaut	25.6.1972.
Kiarong	25.6.1972.
Anak2 Askar (AMDB)	25.6.1972.
P.J. Beribi	25.6.1972.
Benekurong	28.6.1972.
OKSB Kilanas	29.6.1972.

TUTONG I

Batang Mitus	16.6.1972.
Lamunin	17.6.1972.
Kiudang	18.6.1972.
Muda Hashim	23.6.1972.

Sinaut	23.6.1972.
OKAWSD Kupang	23.6.1972.
Bakiau	23.6.1972.
Penanjong	25.6.1972.
Keriam	25.6.1972.
Bukit Panggal	25.6.1972.
Birau	25.6.1972.
Kg. Menengah	25.6.1972.

TUTONG II

Penapar	18.6.1972.
Lubok Pulau	22.6.1972.
Bukit Udai	23.6.1972.
Layong	23.6.1972.
DPS Ukong	23.6.1972.
P. Muda Mahkota	25.6.1972.
P. Kesuma Negara	25.6.1972.
Tumpuan Telisai	25.6.1972.
Danau	25.6.1972.
A.R. Tg. Maya	25.6.1972.
Panchong	25.6.1972.
Rambai	25.6.1972.
Sg. Damit Pamadang	25.6.1972.
Sangkarai	25.6.1972.
Belabau	21.6.1972.
Kampong Bukit	28.6.1972.
Banutan	25.6.1972.
Supon	22.6.1972.

Pembinaan pelabohan Muara selasai

MUARA. — Kerja2 pembe-
naan pelabohan ayer dalam
di-Muara sekarang telah siap.
dan semua kerja2 utama telah
selesai, kechuali beberapa ba-
hagian yang kechil.

Menurut sa-buah kenyataan
yang di-keluarkan oleh Peja-
bat Pesuruhjaya Kemajuan
menyatakan, pada masa ini
kapal2 boleh merapat di-der-
maga yang sa-panjang 1,405
kaki itu.

Semua kerja2 mengorek,
telah siap kechuali beberapa
yang lain-nya.

Menurut kenyataan itu, ke-
mudahan2 tambahan yang
maseh di-perlukan yang ke-
banyakkan-nya akan di-usaha-
kan oleh pemborong2 ber-
asingan, yang di-berikan baru2
ini ia-lah bangunan pentad-
biran, gudang hawa dingin
dan tempat barang2, klinik
perubatan, menara ayer, ste-
shen pemerhati dan isharat.

Kerja2 pembinaan 48 unit
perumahan bagi pekerja2 pe-
labohan sedang berjalan lan-
char dan ini di-jadualkan siap
sa-belum bulan Disember ini.

Kenyataan2 Pegawai Penguasa Warith

SURAT KUASA PESAKA

No. 22/1972.

Bahawa permohonan kepada
Mahkamah ini telah di-perbuat
oleh Rabong binte Bonghi, d/a
Kampong Rambai, Tutong, Brunei
kerana minta Surat Kuasa kepada
harta pesaka yang di-punyai oleh
Ahmad bin Ukang yang telah men-
inggal dunia di-dalam Tutong,
Brunei dengan sebab ia-itu si-pe-
mohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri ba-
hawa permohonan ini akan di-
dengarkan di-dalam Mahkamah
Kuala Belait pada 13 haribulan
Jun, 1972, pada jam pukul 10.30
pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam
harta pesaka si-mati itu di-kehen-
daki hadir dan menyaksikan
perbicharaan itu pada waktu dan
tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak
membantah permohonan itu boleh-
lah menghantar surat bantahan
kepada Mahkamah Pegawai Pen-
guasa Warith, Kuala Belait sa-
belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mei,
1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 23/1972.

Bahawa permohonan kepada
Mahkamah ini telah di-perbuat
oleh Awg. Besar bin Sulaiman,
Kg. Sg. Ubar, Bukit Sawat, Ulu
Belait, Kuala Belait kerana minta
Surat Kuasa kepada harta pesaka
yang di-punyai oleh Siti Awa binte
Bangkit yang telah meninggal du-
nia di-dalam Kuala Belait, Brunei
dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-
lah suami kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri ba-
hawa permohonan ini akan di-
dengarkan di-dalam Mahkamah
Kuala Belait pada 13 haribulan
Jun, 1972, pada jam pukul 10.30
pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam
harta pesaka si-mati itu di-kehen-
daki hadir dan menyaksikan
perbicharaan itu pada waktu dan
tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak
membantah permohonan itu boleh-
lah menghantar surat bantahan
kepada Mahkamah Pegawai Pen-
guasa Warith, Kuala Belait sa-
belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mei,
1972.

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER,

ADMINISTRATION SUIT

No. 21 of 1972.

Application to this Court having
been made by Madam Minda anak
Bulen of Vivian Rasiah, Process
& Refining Dept., B.S.P. Co. Ltd.,
Seria, State of Brunei for Letters of
Administration to the estate and
effects of Mulee bin Beriak late of
Kuala Belait, Brunei deceased, on
the ground that applicant is lawful
wife of the deceased.

Notice is hereby give that appli-
cation will be heard in the Court-
house at Kuala Belait on the 13th
day of June, 1972, at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any
interest in the estate of the deceased
are hereby required to come and
see the proceeding at the time and
place above mentioned.

Any persons wishing to object to
the application may lodge a caveat
with the Court of the Probate Offi-
cer, Kuala Belait before the above
date.

Dated this 30th day of May,
1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG.
Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.

Pesta sukan sa-negeri di-adakan pada 9hb Julai

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Persatuan Sukan Amator
Negeri Brunei akan mengada-
kan sukan perengkat daerah
dan negeri dalam bulan ini dan
bulan hadapan, bersempena
menyambut ulang tahun hari
keputeraan D.Y.M.M. Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negeri Brunei.

Sukan perengkat Daerah Be-
lait dan Tutong akan di-adaka-
kan pada 25hb. Jun di-Gelang-
gang Sukan Seria. Daerah Bru-
nei-Muara dan Temburong
akan di-adakan pada 30hb. Jun
di-padang SMJA Bandar Seri
Begawan.

Sa-ramai tiga orang peserta
yang terpilih dalam tiap2 ba-
hagian di-perengkat daerah
akan mewakili ka-perengkat

negeri yang akan di-adakan
di-Gelanggang Sukan Seria pa-
da 9hb. Julai.

Sa-banyak 29 achara akan
di-pertandingan, dalam sukan
tersebut.

Sukan itu terbuka kepada
semua sekolah2 menengah,
maktab2, persatuan2 belia, ja-
batan2 kerajaan, termasuk pulis
dan tentera, badan2 perni-
agaan dan orang2 perse-
orangan.

Peserta2 di-Daerah Brunei-
Muara dan Temburong yang
belum lagi mengembalikan bo-
rang2 masuk ada-lah di-
kehendaki supaya menghantar
borang2 tersebut kepada
Awang Bahrom bin Ya'akob
di-Maktab SOAS, Bandar Seri
Begawan.

DALAM Khutbah kali ini mari-lah kita mengikuti suatu pengajaran yang di-sampaikan oleh Rasulullah s.a.w. menerusi sa-buah hadith Baginda yang bermaksud:

"Barang siapa mengambil (berhutang) harta orang dengan niat hendak menjelaskannya maka Allah Ta'ala akan menolong dia menjelaskan hutang-nya itu dan siapa yang mengambil harta orang dengan niat hendak membinasakan-nya, maka Allah akan membinasakan dia".

Hadith tersebut memberi gambaran kepada kita bahawa manusia itu sa-masa melakukan sa-suatu pekerjaan tidak dapat melarikan diri dari salah satu antara dua perkara:

Sama ada dengan niat dan azam yang baik atau dengan niat dan azam yang tidak baik. Sa-tiap salah satu daripada dua keadaan yang tersebut itu ada pengaruh dan kesan-nya masing2 kerana hasil sa-suatu perbuatan yang dilakukan oleh manusia sa-benar-nya ada-lah di-pengaruh oleh niat dan azam yang tersembunyi di-sebalek hati kechil-nya.

Dalam hadith yang telah kita sebutkan itu Rasulullah s.a.w. telah menerangkan bahawa barang siapa yang berhutang harta orang dengan niat dan azam hendak menjelaskannya, maka Allah akan menolong dia menjelaskan hutang itu. Di-sini mungkin timbul pertanyaan bagai-manakah Allah boleh menolong orang yang berhutang dengan niat yang baik itu menjelaskan hutang-nya?

Sa-benar-nya bagi Allah yang maha kaya dan berkuasa tiada ada sa-barang kesukaran untuk menolong orang yang baik dan orang yang sentiasa melakukan pekerjaan dengan niat yang baik dengan berbagai2 chara. Bila2 masa sahaja Allah boleh membuka-kan pintu rezeki, malah ka-

Komplek perumahan pegawai kerajaan di-Bangar

BANGAR. — Kerajaan telah memberi kontrak bagi pembinaan satu kompleks perumahan di-Bangar baru di-Daerah Temburong kepada Sharikat Pembinaan Lik Sun. Kerja akan di-mulakan tidak lama lagi dan akan siap dalam masa dua belas bulan.

Komplek itu ada-lah terdiri dari empat yunit rumah Kelas B, satu blok Kelas C dan dua blok lapan yunit berek.

Apabila siap nanti kompleks itu akan di-gunakan untuk menempatkan pegawai2 kerajaan di-daerah itu.

dang2 chara itu tidak di-sangka2 dan di-luar dugaan sama sekali, jernama Allah telah memberi jaminan sa-bagaimana firman-nya yang bermaksud.

"Dan siapa yang takwa kepada Allah akan di-mudahkan Allah urusan-nya".

Di-samping itu orang yang berniat baik biasa-nya mempunyai azam dan kemahuan yang mendorong-nya untuk berusaha dan berikhtiar lebeh giat dan rajin, maka sudah salayaknya-lah Allah a k a n memberi pertolongan kepadanya. Sa-balek-nya pula kesan dan pengaruh niat yang tidak baik di-simpulkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda baginda sa-lanjut-nya ia-itu: "Barang siapa yang mengambil harta orang dengan niat hendak membinasakan-nya, maka Allah akan membinasakan dia".

Mithalan-nya: orang yang berhutang atau membeli barang ansur atau meminta su-

Pasar ria

SERIA. — Persatuan Sukan Amator Negeri Brunei akan mengadakan Pesta Ria sa-lama enam hari mulai 30hb. Jun di-Gelanggang Sukan Seria bersempena dengan perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26.

Pengerusi persatuan itu, Awang Haji Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar berkata, Pesta Ria itu akan diadakan dari pukul 7.00 hingga 11.00 malam tiap2 hari.

Awang Haji Abdi Manaf menyatakan bahawa pesta itu ada-lah terbuka kepada firma2 dan shrarikat2 perniagaan dan orang2 perseorangan yang ingin hendak menjual barang2 mereka di-Pesta Ria itu dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran tetapi mereka adalag di-kehendaki membena gerai2 mereka sendiri.

Mereka yang ingin hendak menjual atau mempamerkan barang2 mereka di-pesta ria itu sekarang boleh berhubung dengan anggota2 persatuan itu.

SA-TIAP PERBUATAN DI-LAKUKAN DENGAN NIAT YANG BAIK AKAN DI-BALAS OLEH ALLAH



KHUTBAH JUMA'AT

paya orang mengamanahkan harta kepada atau sa-umpama-nya, tetapi hati-nya tidak bersej, niat dan azam-nya si-rong, maksud-nya tidak lain dari menimpakan kerugian kepada sa-seorang, maka orang yang sa-demikian akan di-timpakan kebinasaan oleh Allah di-sebabkan niat dan azam-nya yang jahat itu. Bukan tidak pernah kita lihat orang sa-macham itu akhir2-nya di-timpa bermacam2 bala dan binchana. Ada yang akhir-nya jadi pejudi yang sentiasa membazirkan wang dan harta-nya, dan ada yang di-timpa sakit yang merbahaya kepada diri-nya dan anak isteri-nya sa-hingga tidak lagi dapat menikmati kegembiraan hidup yang sa-mesti-nya dan dengan lain chara yang berupa kesusahan dan kesukaran di-dalam hidup-nya.

Menyedari akan hakikat ini maka kita patut-lah sentiasa beringat2 sa-waktu melakukan sa-tiap pekerjaan, bukan hanya dalam masaalah mengambal hutang yang tersebut dalam hadith tadi, tetapi juga dalam semua tindakan dan pekerjaan kita sa-hari2, kita hendak-lah jangan menyimpan niat dan azam yang burok dan jahat, sebab niat dan azam itu sangat berpengaruh dan berkesan terhadap perbuatan kita. Perbuatan2 tipu dan khianat, perbuatan2 'pepat di-luar rinchong di-dalam' ada-lah san-

gat merbahaya, bukan hanya bagi orang yang melakukan-kan-nya malah juga bagi kehidupan masharakat manusia.

Mari-lah kita tanamkan beneh takwa di-dada kita, didek-lah hati dengan sifat2 jujur dan amanah, di-dahulukan-lah sa-tiap perbuatan yang baik dan berkebajikan dengan niat dan azam yang baik mudah2-an dengan pertolongan Allah akan sentiasa mengiringi perbuatan dan pekerjaan kita.

Majalah ketiga sudah terbit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa telah menerbitkan majalah-nya yang ketiga — Majalah Dewasa — yang sekarang di-jual dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Majalah itu mengandongi renchana2 mengenai pelajaran, ugama, pertanian, kesihatan dan sains urusan rumah tangga.

Ia-nya di-terbitkan dua kali sa-tahun dan keluaran yang akan datang ia-lah dalam bulan Oktober tahun ini.

Majalah itu sekarang boleh di-dapati dari guru2 kelas Pelajaran Dewasa atau di-Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa, Bandar Seri Begawan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7hb. Jun, 1972 hingga ka-hari Selasa 13hb. Jun, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
7hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6.06
8hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6.06
9hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6.06
10hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6.06
11hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6.07
12hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6.07
13hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6.07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(7hb. Jun. 1972)

DALEH2 YANG TIDAK MUNASABAH

DUA minggu yang lalu, kita telah mengikuti seruan Pesuruhjaya Buroh kepada sharikat perdagangan dan perniagaan di-negeri ini supaya memberikan peluang2 yang luas kepada anak2 tempatan yang berkelulusan aliran Melayu untuk bekerja di-tempat2 mereka.

Beliau menyeru supaya sharikat2 perdagangan dan perniagaan itu mengadakan skem khas bagi membolehkan anak2 tempatan itu bekerja dengan mereka. Perkara ini juga di-harapkan supaya dapat mengurangkan anggapan yang salah bagi kebanyakan orang2 kita yang hanya semata2 memikirkan untuk bekerja dengan Kerajaan sa-lepas bersekolah.

Dan dalam minggu ini, kita ikuti pula kenyataan dari Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz yang antara lain menyeru kepada sektor2 pribit di-negeri ini supaya menghapuskan segala jenis daleh dan alasan yang tidak munasabah yang di-tujuan untuk mengelak pengambaran bekerja rakyat negeri ini.

Mungkin juga sa-bagai mendukung seruan Pesuruhjaya Buroh itu, maka Awang Haji Abdul Aziz menimbulkan tentang rahsia jaminan perjanjian perniagaan mereka yang banyak terletak kepada penyerwaan atau jangka penyerwaan rakyat negeri ini.

Awang Haji Abdul Aziz menegaskan, tanpa peranan yang saperti itu boleh menimbulkan masalah2 sosial yang bersentimen apabila keadaan di-negeri ini telah sampai kepada satu peringkat pengangguran di-kalangan belia2 yang mempunyai kelulusan2 sekolah di-dalam negeri.

Perkara ini memang penting di-katakan oleh sektor2 pribit itu, apa lagi yang bersifat tetap dan bertapak meluaskan lapangan2 perniagaan mereka. Kita tidak payah mengambil contoh dari langkahi2 yang telah di-amal oleh negara2 lain berhubung dengan soal kepertingian bumiputera atau anak2 tempatan, kerana semua itu kita yakin telah di-ikuti oleh sektor2 pribit itu. Dan, daleh2 yang di-buat mereka terhadap penolakan anak2 tempatan, ada yang di-dasarkan kepada kelulusan2 yang di-banding2kan dengan apa yang di-dapat oleh orang2 luar itu. Alasan2 saperti ini sudah ada sejak lama dahulu, khasnya sejak belum ramai lagi anak2 tempatan yang berkelulusan. Waktu itu, kita tidak dapat berbiacara apa2, kerana belum ada boki yang dapat di-ketengahkan.

Tetapi masa ini, sudah ramai anak2 tempatan yang berkelulusan sama ada aliran Inggeris mahu pun Melayu yang kita kira sudah layak mengambill tempat orang2 luar. Jika anak2 tempatan itu menerima latihan2 sa-chara jujur.

Jika di-saring akan kelayakan orang2 luar yang bekerja di-tempat2 mereka itu, kita yakin ada-lah mustahil tidak dapat di-saingi oleh anak2 tempatan yang mempunyai kelulusan itu.

Kerana itu-lah barangkali apa yang di-sifatkan oleh Awg Haji Abdul Aziz tentang timbulnya daleh2 yang tidak munasabah.



Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Raja Isteri ketika berangkat tiba di-Perkehemahan Berakas untuk menyaksikan pertunjukan tatioo. Di-sebelah kanan D.Y.M.M. Raja Isteri ia-lah Pemerintah AMDB, Col. Dato B.F.L. Rooney dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wai-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.



Duli Yang Maha Mulia sedang di-tunjukkan peralatan2 yang di-pamerkan dalam bahagian jurutera oleh Staff Sgt. Ismail.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika melihat ka-bahagian pameran samboyan. Gambar kanan Staff Sgt. Sulaiman sedang memberi penerangan mengenai dengan alat2 tersebut.

Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir sedang di-beri penerangan oleh Sgt. Said mengenai dengan teropong IWS yang khas di-gunakan dalam waktu malam.



Pertunjukkan chara2 menembakkan meriam katak.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan sedang di-beri penerangan mengenai dengan tali pinggang menyelamat dari pesawat haikopter oleh Kapitan Hussain bin Ahmad, Adjutan Battalion Pertama.



D.Y.M.M. sedang menyaksikan alat meriam katak yang di-tunjukkan oleh Sgt. Hamdan bin Omar. Di-sebelah kanan Duli Yang Maha Mulia ia-lah Col. Dato Rooney.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan sedang berjabat salam dengan sa-orang tetamu dalam majlis jamuan di-Mess Pegawai kerana merayakan hari jadi AMDB yang ke-11. Di-tengah2 ia-lah Brig. P.G.A. Prescott, Pemerintah Markas Angkatan Tentera Darat di-Hong Kong yang di-undang khas dalam sambutan itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wai-Waqar Muda Mohammad Bolkiah sedang menembak sasaran elektronik dengan menggunakan senjata ringan jenis AR 16.

DI-SEKITAR SAMBUTAN HARI JADI AMDB YANG KE-11

PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei telah merayakan sambutan hari jadi-nya yang ke-sebelas tertuboh-nya pasokan itu pada hari Rabu 31hb. Mei yang lalu.

Achara2 sambutan itu telah diadakan di-Perkehemahan Berakas dalam mana berbagai2 kegiatan pasokan itu termasuk pertunjukkan chara menembak meriam katak dan payong terjun telah di-adakan pada sebelah pagi.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Colonel-In-Chief pasokan itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat ka-perkhemahan itu untuk menyaksikan satu pertunjukkan khas menembak dengan menggunakan sasaran menembak elektronik di-padang tembak pasokan itu.

Pada sebelah malam-nya D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan serta kerabat2 Dirain telah berangkat sekali lagi untuk menyaksikan pertunjukkan tatioo dan sa-terus-nya menghadhiri jamuan khas yang di-adakan di-Mess Pegawai.

Pertunjukkan payong terjun yang di-lakukan oleh anggota2 payong terjun D Sqn. 22 SAS yang di-datangkan khas dari Singapura ada-lah merupakan pertunjukkan yang menarik perhatian penonton pada hari itu.



Sambil meneknati jamuan ringan, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan (di-kiri sekali) dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah (di-tengah2) kelihatan dalam gambar di-atas sedang merhabatkan pertunjukkan payong terjun.

Perlawanan bola sepak ada-lah juga merupakan salah satu acara sambutan hari jadi AMDB pada 31hb. Mei yang lalu. Gambar kiri menunjukkan pasokan AMDB bergambar ramai dengan pasukan ke-6 Gurkha Rifles sa-belum perlawanan di-mulakan. Dalam perlawanan itu pasukan Gurkha telah mengalahkan pasukan AMDB dengan 2 gol berbalas 1.

PASOKAN Persatuan Belia Sumbiling dan pasukan Ikatan Belia Berakas telah menjadi johan bersama dalam perlawanan bola sepak yang telah diadakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Kedua2 pasukan telah berjaya menja- ringkan dua gol.

Perlawanan yang di-anjorkan oleh Per- satuan Sungai Kedayan itu ia-lah bagi me- rebut piala yang di-kurniakan oleh Y.T.M. Seri Paduka Duli Pg. Perdana Wazir Sahibol

Himamah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Sa-banyak 23 buah pasukan yang ter- diri dari persatuan2 belia dan kebajikan di-seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Gambar kanan: Y.A.M. Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin sedang menyampaikan piala kepada kedua2 ketua pasukan yang menjadi johan, sementara gambar bawah, kedua2 pasukan bergambar ramai sa-telah selesai perlawanan.



SUKAN TAHUNAN SEKOLAH2 RENDAH MELAYU SA-NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pe- lajaran akan menganjorkan sukan tahunan yang ke-12 di-antara sekolah2 rendah Melayu di-negeri ini sempena dengan perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26.

Sekolah2 rendah Melayu di-Brunei Tiga akan mengadakan sukan mereka pada hari

Sabtu 17hb. Jun di-padang SMJA dan Tutong Satu pada hari Khamis 29hb. Jun di-pa- dang Sekolah Menengah Me- layu Muda Hashim.

Sekolah2 rendah Melayu di- Brunei Dua dan Tutong Dua akan mengadakan sukan me- reka pada hari Sabtu 1hb. Ju- lai di-padang SMJA dan Se- kolah Menengah Melayu Mu- da Hashim.

Sekolah2 rendah Melayu di-Daerah Temburong akan mengadakan sukan mereka pada hari Ahad 2hb. Julai di- padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan dan Brunei Satu pada hari Sabtu 8hb. Julai di-padang SMJA.

Sukan perengkat akhir akan di-adakan pada hari Sabtu 22hb. Julai di-padang SMJA.

Di-denda kerana memileki chandu

KUALA BELAIT. — Mah- kamah Kuala Belait telah mendenda Chee Kian Yu sa- jumlah \$140.00 atau lima minggu penjara sa-telah dia mengaku salah kerana memi- leki chandu.

Mahkamah di-beritahu bahawa chandu itu serta tiga batang alat menghisap chandu telah di-jumpai di-rumah-nya Lot. 285 di-Kam- pong China, Kuala Belait pada 28hb. Mei tahun ini.

Di-mahkamah Seria, H u n g Kee telah di-denda \$100.00 atau penjara sa-puluh hari kerana di- dapati salah membawa kereta me- lebehi dari had laju.

Sa-belum itu Hung Kee telah di- dakwa melakukan tiga belas kes- a-lahan di-bawah undang2 lalu lin- tas.

Di-mahkamah itu juga lapan orang pemandu lain telah di-denda sa-jumlah \$270.00 atas tuduhan yang sama.

Wahab bin Ibrahim di-denda \$45.00, Yong Lee Lee, \$25.00 Beo Ah atau Biaw Ah Choi, Kong Soong Bin dan Li Yun Chiang masing2 \$40.00, Liew Khain Kui \$50.00 dan Kim Yeong Buk \$30.00.

Kempen chegah penyakit taun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan penyuntik ubat penchegegah taun di-Dae- rah Brunei Muara telah me- nyuntik lebeh dari 26,000 orang di-daerah itu dalam kempen mereka menchegegah penyakit taun.

Kempen itu bermula pada awal bulan April.

Dalam masa itu mereka te- lah melawat sekolah2 di-dae- rah itu.

Sementara itu, rombongan penyuntik di-Tutong akan me- mulakan kempen itu bulan ini.

Kempen itu akan di-terus- kan hingga 27hb. Jun.

Sa-orang juruchapak bagi Jabatan Perubatan dan Kesih- atan berkata, kempen yang ada sekarang ia-lah semata2 langkah berjaga2.

PASOKAN Persatuan Belia Sum- biling telah berjaya memen- ang piala pusingan Y.B. Dato Haji Yassin dalam perlawanan bo- la sepak yang telah di-adakan ber- sempena tamu besar Sipitang pada minggu lalu.

Gambar bawah menunjukkan pasukan Belia Sumbiling bergam- bar dengan pasukan Likas sa-be- lum perlawanan di-mulakan.



Persatuan Brunei Putera Belait menganjorkan perlawanan badminton

KUALA BELAIT. — Persa- tuan Bumi Putera Belait akan menganjorkan perlawanan badminton yang terbuka kap- da persatuan2 belia dan keba- jikan, kelab2, sharikat per- niagaan dan jabatan2 kera- jaan di-seluruh negeri ia-itu sa- bahagian dari achara sambu- tan perayaan hari ke- puteraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Perlawanan yang akan ber- mula pada 23hb. Jun bertem- tempat di-dewan Sekolah In- geris Perdana Wazir di-Kuala Belait itu ia-lah bagi merebut Piala Rebutan hadiah daripa- da Awang Abdul Rahman bin Omar Inche dari steshen Pe- mereksaan H u t a n Sungai Liang.

Borang2 untok menyertai perlawanan boleh di-dapati se- karang dari Awang Hassan bin Louis — Pejabat Daerah Kuala Belait; Awang Johari bin Ismail, Pejabat Kehutanan Sungai Liang; Awang Johari bin Haji Omar Ali, Pejabat

Hal Ehwal Ugamaa, Kuala Belait atau dari Awang bin Bakar, Jabatan Letrik Kuala Belait, dan borang2 itu hen- dak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Jun.

J/K perayaan puja usia D.Y.M.M. Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Pega- wai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah di- pileh menjadi Pengerusi Ja- watankuasa Kerja perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba- ginda Sultan dan Yang Di- Pertuan yang ke-26 di-daerah itu.

Beliau telah di-pileh dalam satu meshuarat yang telah di- adakan di-bilek persidangan di-Pekan Tutong baru2 ini.

Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim, Penolong Pega- wai Daerah Tutong telah di- lantek menjadi Setia Usaha Agong, Awang Yunus bin Mahmud menjadi Setia Usaha Pertama dan Awang Moha- med Ali bin Abu Bakar Setia Usaha Kedua.

Lain2 anggota yang di-pi- leh dalam meshuarat itu ia- lah:

Pengurus Kewangan — Awang Haji Zainal Abidin bin Bendahari Mohammad; **Bendahari** — Awang Wong Hong Siang dan **Juruodit**, Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman dan Che'gu Haji Lu- din bin Hashim.

Meshuarat itu juga telah memilih 19 orang anggota berbagai jawatankuasa.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Tukang Masak

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pulis, Brunei.

Hanya orang2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan ini di-kehendaki memohon:-

TUKANG MASAK

- 4 jawatan di-Pusat Latihan Pulis Jalan Muara.
- 1 jawatan di-Pasokan Simpanan 'B' Company, Jalan Berakas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 3 — \$220x5-240.

Pemohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 18hb. Jun, 1972.

Sa-bagai Juruteknik X-Ray

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa bagi jawatan2 Juruteknik X-Ray di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berke-layakan dan berpengalaman sa-bagai Juruteknik X-Ray.

Mereka mesti-lah sedia untuk menjalankan tugas2 biasa sa-bagai sa-orang Juruteknik X-Ray termasuk menchuchi filem; dan, jika perlu, menjalankan tugas2 pentadbiran dalam Jabatan X-Ray di-mana mereka bekerja.

Rumah sakit2 Kerajaan dalam Negeri Brunei di-lengkapi dengan Radiological Protection Service.

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari rayaat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

1 MEKINIK TINGKAT II (2 kosong)

Kelayakan dan Pengalaman:-
Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekinik dengan sa-sabua workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5 — 240.

2. TUKANG KAYU TINGKAT II (1 kosong)

Kelayakan dan Pengalaman:-
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai tu-

DI-PEJABAT PELAJARAN

kang kayu akan juga di-per-timbangkan Pemohon2 mestilah boleh

- a) menyediakan pelan2 dan lukisan2 kerja dan melak-sanakan kerja2 itu; dan
- b) menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untuk (a) di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5 — 240.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 Sulit mengenai pemohon bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 12hb. Jun, 1972.

Sa-bagai

Penyelenggara

Setor Tingkatan I

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang berke-layakan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Letrik, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam pengurusan setor letrik. Kebolehan menaip ada-lah perlu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 4 — \$540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi gaji tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 27hb. Jun, 1972.

oleh: m. sallah ibrahim **SI-TUYU**



PERKEMBANGAN DALAM NEGARA2 KOMMANWEL PUNYAI NILAI ISTIMEWA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth, selaku Ketua Kommanwel telah mensifatkan kemajuan dan perkembangan yang terdapat dalam negara2 Kommanwel sebagai yang mempunyai nilai yang teristimewa.

Baginda bertitah bahawa tiada aspek kehidupan2 kita yang tidak terlihat di-dalamnya bahkan ia-nya senantiasa di-perbaiki dalam berbagai cara.

Dalam utusan Hari Kommanwel yang di-siarkan di-London pada hari Jumaat lepas yang naskah-nya dikirim ka-sini, Baginda Queen memulakan perutusan itu dengan bertitah:

"Ada-lah satu perkara yang bermanfaat, bersempena dengan Hari Kommanwel ini, untuk bertanya kita sendiri sa-juah mana kita mengetahui, atau dapat mengingat tentang Kommanwel; negara2 manakah yang menjadi ahli-nya, dimanakah mereka, berapa berapa besar atau kecil mereka dan bagaimanakah penduduk2 mereka."

Baginda bertitah bahawa Kommanwel terdapat kira2 70 kawasan yang berasingan daripada mana 30 ada-lah negara2 yang merdeka, berhampan di-merata tiap2 benua dan lautan.

Baginda menekankan bahawa penduduk2 negara2 Kommanwel kesemua-nya berjumlah hampir2 satu suku daripada semua penduduk2 dunia dan ini mungkin menghairankan kepada sa-tengah2 kita.


Mengenai faedah2 yang di-dapat oleh penduduk2 Kommanwel, Baginda Queen bertitah bahawa mereka ternyata berganding bahu terutama-nya di-bidang kemasharakatan dan mengisikan peluang2 yang di-beri untuk berbakti di-dalam-nya.

Berhubung dengan keberangkatan Baginda ka-Tenggara Asia baru2 ini, Baginda menekankan bahawa Baginda sangat2 tertarik hati pada bertemu dengan banyak penduduk2 daripada lain2 bahagian Kommanwel, menyumbangkan kemahiran2 dan pengalaman2 mereka yang khusus kepada pembangunan yang menarik hati yang berjalan di-sana.

"Ini-lah nilai-nya yang istimewa. Tiada aspek kehidupan2 kita yang tidak terlihat di-dalam-nya dan di-perbaiki pula oleh lingkungan perjumpaan2 sa-hari2 yang berbagai jenis itu", titah Baginda.

Titah Baginda lagi bahawa tiap2 penduduk kita mempunyai sa-suatu untuk di-beri dan sa-suatu untuk di-terima pula.

Akhir-nya Baginda berharap kepada semua orang yang mengikuti perutusan Baginda itu akan mensifatkan Kommanwel dengan cara tersebut dan menyedari betapa bernasib-nya kita semua kerana dapat bergabung bersama.



T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British, Dato Utama Awang Peter Gautrey sedang memeriksa barisan Polis Diraja Brunei dalam upacara perbarisan hari keputeraan Baginda Queen.

Belia2 di-seru menyedari kemajuan negara

(Dari Muka 1)

alasan yang tidak munasabah yang di-tujuan untuk mengelak pengambilian pekerja2 raayat negeri ini ada-lah juga kepentingan badan2 pibit itu.

Jaminan perjalanan mereka, kata beliau, ada-lah banyak terletak kepada penyertaan tenaga raayat negeri ini.

Beliau memberi amaran bahawa tanpa peranan yang seperti itu boleh menimbulkan masalah2 sosial yang bersentimen apabila keadaan di-negeri ini telah sampai kepada satu peringkat pengangguran di-kalangan belia2 yang mempunyai kelulusan2 sekolah di-dalam negeri.

Beliau juga menyeru belia2 tanah ayer supaya menyedari bahawa kemajuan negara antara-nya hanya akan mendapat kesempurnaan jika pendidikan yang sentiasa diharapkan mata2 pencharian dari Kerajaan itu dapat di-sederhanakan dan di-sedikitkan.

Beliau menegaskan bahawa jabatan2 Kerajaan pada menjalankan tugas dan tanggung-jawab-nya terhadap negara dan raayat hanya memerlukan tidak lebih dari bilangan kaki-tangan dan pekerja2 yang di-perlukan.

Menurut beliau bahawa tugas2 di-sektor2 pibit seperti di-kedai2 kopi, di-kebun2 sayor, di-hotel2, di-gedong2 perniagaan seperti sharikat minyak dan gas, sharikat2 penerbangan, agent2 perdagangan dan sa-umpama-nya ada-lah mata pencharian yang mulia sa-lagi di-jalankan dengan sa-chara halal.

"Semua itu ada-lah mesti di-pe-nohi oleh raayat negeri ini", tegas beliau.

Kata-nya, jika kita menyedari perkara ini lebih awal, maka ada harapan besar bagi kita semua akan terus-menerus hidup dan berhidup dalam suasana aman, ma'amor dan berkeselamatan.

DI-MAHKAMAH TINGGI
NEGERI BRUNEI
DI-ADAKAN
DI-BANDAR SERI BEGAWAN
Perkara Mufis Bil. 1/1969
PERENTAH HUKUMAN
MUFIS

mengenai:

- (1) Caesar Business Organisation, 92, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei.
- (2) Awang Arshad bin Marsal, Kampung Sungai Kedayan, Brunei.

Upacara perbarisan Hari Keputeraan Baginda Queen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II telah di-rayakan dengan satu upacara perbarisan di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 3hb. Jun yang lalu.

Pasokan ke-6 Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles telah mengelapai perbarisan yang terdiri dari Askar Melayu Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei itu.

Pasokan Kedet Askar Melayu Diraja dan lima buah pasokan awam juga telah mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Dato Utama Awang Peter Gautrey telah memeriksa perbarisan dan menerima tabek kehormatan di-upacara itu. D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat ka-upacara perbarisan itu.

Turut hadir di-upacara itu juga ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkih, Penasehat Umum D.Y.M.M. Al-Sultan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, dan Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin.

Di-upacara itu Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Dato Utama Peter Gautrey telah mengumumkan pengurniaan bintang dan pingat kebesaran British bersempena dengan hari keputeraan Baginda Queen kepada dua orang pegawai tentera.

Bintang M.B.E. (Bahagian Tentera) di-kurniakan kepada Major David Edward Cox, bekas anggota AMDB dan pingat British Empire Medal di-kurniakan kepada Staff Sgt. John Lee Kennedy.

Kenyataan Mahkamah

- (3) Lim Teng Chew, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Berikutan dengan satu rayuan, bertarikh 16hb. April 1969 terhadap (1) Caesar Business Organisation, 92 Jalan Chevalier, Brunei dan (2) Arshad bin Marsal, alamat Kampung Sungai Kedayan, Brunei dan (3) Lim Teng Chew, alamat Jalan Sultan, Brunei, terhadap mana perintah penerimaan telah di-buat, pada 18hb. September, 1969, dan atas permohonan

Pengeluaran minyak semakin bertambah

(Dari muka 1)

geri2 yang baik akan membangunkan perusahaan2 mereka di-segala lapangan ekonomi negeri ini", titah Baginda.

Ini ada-lah pada memenohi hasrat Baginda untuk mengekalkan keselamatan dan keamanan yang mana akan di-perkukuhkan lagi dengan ada-nya kemajuan ekonomi dan sosial negeri ini.

Terdahulu sa-belum itu, Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Dato R.A.B. Clough dalam ucapan aluan2-nya bagi pehak semua kaki tangan sharikat itu berkata, mereka ada-lah merasa sa-bagai satu penghormatan kerana D.Y.M.M. Baginda telah berkenan menerima undangan untuk merasmikan Pangkalan Minyak Mentah di-Seria itu.

Dato Clough berkata, ada-lah lama telah menjadi satu sumber rasa kegembiraan dan kebanggaan bahawa kerabat diraja D.Y.M.M. Baginda senantiasa menunjukkan minat dalam pergerakan Shell Brunei.

Dato Clough berkata, keperluan bagi mengadakan pangkalan tersebut ada-lah di-sebabkan pengeluaran sharikat yang semakin bertambah, dan ini sebalik-nya menghormatkan kerjasama dan persahabatan, yang sharikat Minyak Shell Brunei senantiasa menerimanya dari pehak kerajaan baginda, dan kerjasama yang sentiasa di-hargai oleh mereka.

Di-antara yang hadir di-upacara itu ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkih; Penasehat Umum D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Ketua Suruhanjaya Tinggi British, Awang J.E.T. Throne; Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir dan Y.A.M. Cheterna2.

Pegawai Penerima Rasmi, dan manakala membaca laporan Pegawai Penerima Rasmi bertarikh 27hb. Mach, 1972 dan mendengar Pegawai Penerima Rasmi serta (1) Caesar Business Organisation, (2) Arshad bin Marsal dan (3) Lim Teng Chew, maka ADA-LAH DI-PERENTAHKAN supaya siberhutang2 itu di-hukum dan siberhutang2 tersebut ada-lah dengan ini di-jadikan mufis.

BERTARIKH 11hb. Mei, 1972.
(Wong Ah Fatt).
Pendafatar.